



Rakaman sumbangan Bapa Perpaduan

Oleh SALMAH ZAINAL ABIDIN

UM : 9/7/2007

SUATU hal yang menambat hati saya kepada tokoh dan negarawan ini ialah minatnya yang begitu mendalam terhadap buku dan amalannya yang kuat membaca. Kegemaran utamanya ialah membaca buku, suatu amalan yang memenuhi segenap masa lapangnya sehingga ke akhir hayatnya. Beliau dikatakan sering berjalan dari sebuah kedai buku ke sebuah kedai yang lain selama beberapa jam semata-mata untuk membeli buku. Setiap malam sebelum tidur, beliau akan meluangkan masanya untuk membaca. "Saya suka membaca buku-buku politik, kadang-kadang cerita perang. Tapi saya tidak begitu berminat membaca buku-buku kisah cinta," demikian kata Tun Hussein seperti dicatatkan pada halaman lapan dalam buku bergambar, Tun Hussein Onn: Bapa Perpaduan/Father of Unity ini.

Pelbagai peristiwa dalam kehidupan negarawan dan Perdana Menteri Malaysia yang ketiga disusun dalam lima bab menarik bertemakan salasilah zaman awal, kerjaya dan penglibatan awal dalam politik, era menteri dan Timbalan Perdana Menteri, era Perdana Menteri dan Tun Hussein Onn dalam kenangan.

Pada usia semuda 27 tahun, Hussein Onn telah terpilih menjadi Ketua Pemuda UMNO yang pertama pada tahun 1949. Kata-kata azimat beliau dan menjadi dasar perjuangan Pemuda UMNO ketika itu dan patut menjadi renungan barisan pemuda pada hari ini ialah "Bekerja menolong diri sendiri, bekerja menolong kampung, bekerja menolong tanah air dan bekerja menolong bangsa." Dengan cogan kata "Pemuda Harapan Bangsa" Hussein Onn berjaya menerajui barisan Pemuda UMNO dengan amat berkesan sungguhpun tempoh kepimpinannya dalam gerakan pemuda itu agak singkat apabila dilantik pula menjadi Setiausaha Agung UMNO pada usia 28 tahun.

Mempertahankan

Pada tahun 1970, Hussein Onn dilantik menjadi Menteri Pelajaran oleh Tun Abdul Razak dan langkah ini memeranjatkan banyak pihak memandangkan singkatnya penglibatan beliau dalam kerajaan namun Tun Razak mempertahankan keputusan beliau dengan mengatakan, "Tidak ramai orang yang sanggup menjadi Menteri Pelajaran. Tetapi saya percaya Datuk Hussein Onn, orang yang tepat bagi jawatan itu, seorang yang faham akan kemajuan dan masalah-masalah khusus negara."

Selama menjadi Perdana Menteri, Hussein Onn memastikan bahawa beliau tidak dibayangi oleh sesiapa dalam pentadbiran negara. Kata-katanya yang lebih mementingkan negara dalam setiap tindakannya dan akan sentiasa dikenang berbunyi: "Saya bukanlah orang penting dalam negara, tetapi yang penting ialah apa yang saya buat untuk negara."

Tun Hussein Onn telah berusaha keras agar setiap hasrat dan matlamat Dasar Ekonomi Negara dicapai. Beliau juga bekerja kuat demi mengukuhkan perpaduan kaum di negara berbilang bangsa dan agama ini. Apabila dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau memastikan perpaduan menjadi agenda utama dalam dasar kerajaan. Kepada beliau, perpaduan kaum adalah prasyarat bagi kemajuan Malaysia.

Buku ini disulam antara teks dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dan pelbagai gambar yang menarik, berwarna dan hitam putih. Seluruh gambar yang dipaparkan dalam buku ini menggambarkan bahawa Tun Hussein telah mengabdikan seluruh hidupnya demi perpaduan kaum di Malaysia, sebuah negara berbilang bangsa dan agama. Banyak episod dalam kehidupan politik beliau diabadikan dalam buku yang amat bernilai sejarah ini.

Seiring dengan sambutan 50 tahun kemerdekaan negara dan rasa kecintaan rakyat terhadap negara Malaysia, sewajarnya seluruh rakyat dari segenap lapisan memiliki buku *Tun Hussein Onn: Bapa Perpaduan/Father of Unity* yang menonjolkan sumbangan Tun Hussein yang besar khususnya dalam perpaduan negara. Judul-judul bab buku ini telah berjaya menampilkan sumbangan dan ketokohan Tun Hussein, negarawan yang disayangi semua, menjadikan buku ini sebuah lagi dokumentasi penting barisan tokoh negara yang ulung.

Buku ini amat baik untuk dijadikan bahan rujukan kerana ia memaparkan secara kronologi keperibadian, persekolahan dan pengajian, kerjaya dan kepimpinan tertinggi Tun Hussein Onn serta diperkukuhkan pula dengan rakaman foto-foto yang amat tinggi nilainya.